

Kos sara hidup belia perlu dipandang serius

Jufitri Joha

07 Ogos 2019 7:30 AM



Jufitri Joha

Majlis Belia Malaysia (MBM) menyarankan kerajaan agar memandang serius terhadap isu kos sara hidup dalam kalangan belia di Malaysia. Ia termasuklah isu berkaitan pendidikan, pengangkutan awam dan kesihatan.

Dalam sesi dialog bersama Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail anjuran kementerian itu dan MBM semalam, beliau menyatakan pihak kementerian amat memerlukan input serta cadangan dari kalangan anak muda dan pemimpin belia bagi memudahkan pihak kementerian melalui Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) merangka pelan strategik dalam mengawal isu ini. Presiden MBM, Jufitri Joha yang juga ahli NACCOL bertindak sebagai moderator.

Antara isu yang banyak menjadi persoalan dikalangan peserta adalah hal berkaitan pemilikan rumah dan bantuan pendidikan yang berkurangan.

Selain itu, peserta sesi dialog juga memuji inisiatif pihak kementerian dalam memperkenalkan inisiatif Food Bank serta pas perjalanan tanpa had My100 dan My50 yang sedikit sebanyak mengurangkan beban kos sara hidup dalam kalangan belia.

Datuk Seri Saifuddin Nasution turut tertarik dengan beberapa input serta idea baharu yang dicadangkan termasuklah penyediaan latihan kepada majikan dalam menerima pekerja orang kurang upaya (OKU).

Selain itu, cadangan perlunya pemberian subsidi dalam pembelia alat bantuan OKU yang harganya mahal di pasaran turut mendapat perhatian serta akan dipertimbangkan untuk diberikan potongan cukai.

MBM mengucapkan terima kasih kepada Datuk Seri Saifuddin Nasution dan KPDNHEP secara keseluruhannya atas ruang kerjasama yang diberikan dalam menjayakan sesi dialog ini.

Hasil dan makluman positif daripada sesi dialog yang telah dilaksanakan ini maka MBM berbesar hati dan menyokong penuh agar sesi dialog ini turut diadakan di peringkat negeri sebagai platform belia akar umbi dalam menyampaikan hasrat di samping membantu pihak KPDNHEP mendapatkan imput.

MBM menyeru agar belia mengambil peluang ini untuk menyampaikan isi hati dan hasrat mereka kepada pihak kerajaan berdasarkan tujuh kluster utama (kesihatan, pendidikan, utiliti, perumahan, e-dagang, pengangkutan, makanan) yang mempengaruhi kepada kos sara hidup belia dan rakyat.

Belia dan orang ramai juga boleh menghantarkan sebarang pendapat dan idea menerusi e-mel berikut; mbm@belia.org.my, jufitri1979@gmail.com, progresif_ros@yahoo.com atau mbmsua@gmail.com.

JUFITRI JOHA
Presiden MBM
Ahli NACCOL

*Penafian: Artikel ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak mencerminkan pendirian Utusan.

-UTUSAN ONLINE-

